

Siaran Akhbar

Untuk Sebaran Segera

PENUTUPAN SEMENTARA SUSUR KELUAR JALAN BARAT MENUJU KE JALAN SULTAN ISMAIL UNTUK KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN MENGHALA KE PEMBANGUNAN TUN RAZAK EXCHANGE, JALAN BARAT, KUALA LUMPUR, MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 30 Mac 2017 - Sebahagian laluan di Jalan Barat akan mengalami beberapa gangguan aliran trafik jalan iaitu di susur keluar dari Jalan Barat ke Jalan Sultan Ismail seperti di dalam lampiran peta.


Gangguan aliran trafik ini adalah berikutan kerja-kerja pengalihan utiliti dan menaik taraf jalan bagi projek pembinaan infrastruktur di pembangunan **Tun Razak Exchange ("TRX")**.

Penutupan ini akan dilaksanakan secara berterusan bagi tempoh **dua (2) bulan bermula dari 3hb Apr 2017 sehingga 21hb Mei 2017**.


Sehubungan dengan itu, pengguna jalan raya adalah dinasihatkan supaya mematuhi kesemua papan tanda keselamatan dan tanda arah sementara bagi mengelakkan sebarang kekeliruan. Segala kesulitan yang timbul adalah amat dikesali.

Untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan yang berkaitan, sila layari laman sesawang <http://trx.my/press-releases> atau hubungi TRX City Sdn Bhd (TRX City) di talian +603 2142 9688.

PELAN LOKASI UNTUK PENUTUPAN SEMENTARA BAGI SUSUR KELUAR JALAN BARAT KE JALAN SULTAN ISMAIL UNTUK KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN MENGHALA KE PEMBANGUNAN TUN RAZAK EXCHANGE ("TRX"), JALAN BARAT, KUALA LUMPUR, MALAYSIA.



-Tamat-



30 Mac 2017

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Maisara Ismail (+6019-3130739 / maisara.ismail@trx.my)